

Lima pelajar Usim masih dirawat di Hospital Selayang

SEREMBAN— Lima pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Nilai dan dua pemandu bas yang terbabit dalam kemalangan di Ulu Yam, Selangor, petang kelmarin masih menerima rawatan di Hospital Selayang.

Penolong Pendaftar Pusat Komunikasi Strategik Usim, Mohd Zaini Othman, berkata, semua pelajar dan pemandu bas berkenaan berada dalam keadaan stabil.

“Seramai 18 pelajar lain yang menerima rawatan sebagai pesakit luar di Hospital Selayang sudah dibenarkan pulang.

“Kita berasa sedih dan dukacita dengan kejadian kemalangan bas yang membawa sekumpulan pelajar yang dalam perjalanan pulang ke kampus selepas mengikuti Kursus Pengurusan Kelab Debat di Rimba Kalong Eco Resort, Ulu Yam,” katanya.

Menurutnya, pihak pentadbiran Usim juga telah mengambil tindakan penyelarasan dengan pelbagai jabatan berkaitan seperti Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Unit Kesihatan Pelajar untuk memastikan kebajikan pelajar yang terlibat diberi perhatian.

“Pihak universiti telah berhubung dengan ibu bapa pelajar yang terlibat bagi memastikan mereka mendapat maklumat terkini mengenai anak mereka.

“Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Profesor Datuk Dr Mohamed Asin Dollah dan Pendaftar Universiti, Muhammad Haizuan Rozali mewakili pihak pengurusan universiti bersama 30 pegawai universiti dan wakil pelajar berada di hospital malam semalam (kelmarin) bagi membantu dan memberi

sokongan kepada mangsa dan keluarga,” katanya kepada *Sinar Harian* di sini, semalam.

Zaini berkata, pihaknya juga menyediakan pegawai perubatan Usim untuk rawatan lanjut kepada pelajar yang dibenarkan pulang ke kampus bagi memastikan mereka dalam keadaan sihat.

“Usim menyerahkan kepada pihak berkuasa untuk menyiasat punca kemalangan dan tindakan susulan akan diambil oleh pihak universiti setelah siasatan polis selesai,” katanya.



Naib Canselor Usim, Profesor Datuk Dr Musa Ahmad (depan dua, kanan) ketika melawat pelajar yang dirawat di Hospital Selayang, semalam.